




PERATURAN

FESTIVAL NASYID SEKOLAH-SEKOLAH

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA



PERATURAN FESTIVAL NASYID SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA 2008

A. PENDAHULUAN.

Kesenian seumpama nasyid telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w dan sebelumnya. Pada awal perkembangannya di Malaysia, ia lebih dikenali melalui irama padang pasir. Muzik Nasyid telah menerima kepelbagaian lagu baru yang dikenali sebagai lagu kontemporari. Muzik ini menjadi alternatif kepada muzik tradisional yang mampu menarik minat pendengar untuk memahami dan menghayati Islam.

Nasyid mampu membawa mesej-mesej tertentu untuk dihayati oleh pendengar dan penonton. Hasrat ini bertepatan dengan usaha kerajaan supaya masyarakat Islam mengetahui dan mengambil iktibar dari sejarah yang berlaku di dalam perkembangan Islam. Disamping itu, ia juga bertujuan memupuk minat murid kepada seni lagu yang mengandungi unsur dakwah yang mengajak pendengar kepada melakukan kebaikan.

Justeru, Kementerian Pelajaran Malaysia bersetuju menganjurkan Festival Nasyid di peringkat sekolah rendah dan menengah pada setiap tahun. Sehubungan itu, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) telah menyusun dan menyelaras Peraturan Festival Nasyid yang diharap dapat digunapakai pada semua peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia.

B. PERATURAN FESTIVAL NASYID SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA.

1. PENYERTAAN :

1.1. Penyertaan kumpulan

- 1.1.1. Pertandingan ini terbuka kepada semua murid Sekolah Rendah (Tahun 1 hingga Tahun 6) dan Sekolah Menengah (Tingkatan Peralihan hingga Tingkatan 5) Institusi Pendidikan Kerajaan dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (*SABK*).
- 1.1.2. Setiap sekolah hanya dibenarkan menghantar satu kumpulan nasyid yang mengandungi tidak kurang daripada 7 orang dan tidak lebih daripada 9 orang murid termasuk pemain muzik.
- 1.1.3. Setiap kumpulan hendaklah terdiri daripada murid di sekolah yang sama.
- 1.1.4. Anggota kumpulan yang bertanding hendaklah terdiri daripada satu kumpulan jantina sahaja.
- 1.1.5. Sekolah yang menjadi johan negeri akan mewakili negeri berkenaan ke peringkat kebangsaan.
- 1.1.6. Semua peserta hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa/penjaga.

1.2. Penyertaan Ciptaan Lagu dan Lirik Nasyid

- 1.2.1. Penyertaan Ciptaan lagu dan lirik adalah terbuka kepada semua warga Kementerian Pelajaran Malaysia yang masih berkhidmat. **Borang Akuan** hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan sebagai bukti perkhidmatan.
- 1.2.2. Pertandingan penciptaan lagu dan lirik nasyid adalah penyertaan secara individu.
- 1.2.3. Pencipta lagu dan penulis lirik tidak semestinya dari orang yang sama.
- 1.2.4. Skor lagu dan lirik hendaklah dihantar bersama-sama borang penyertaan kumpulan.
- 1.2.5. Kedua-dua buah lagu yang hendak dipertandingkan mestilah dinyanyikan oleh kumpulan yang bertanding.
- 1.2.6. Setiap penyertaan lagu dan lirik akan menjadi hak milik penganjur serta **Hak Cipta Terpelihara**.
- 1.2.7. Sumbangan akan diberikan oleh JAPIM sekiranya Lagu dan Lirik diterbitkan dalam apa jua bentuk (melalui sesi perbincangan).

2. BORANG PENYERTAAN :

- 2.1. Setiap kumpulan hendaklah menghantar borang penyertaan sebagaimana **Borang FN(B) 2008**.
- 2.2. Borang penyertaan Peringkat Kebangsaan yang lengkap dan disahkan hendaklah sampai kepada pihak urusetia pada masa yang ditetapkan.

3. TEMA :

Akan ditentukan oleh JAPIM, KPM.

4. LAGU :

- 4.1. Setiap kumpulan dikehendaki mempersembahkan dua buah lagu.
- 4.2. **Lagu pertama dan lagu kedua hendaklah ciptaan baru***. Ia hendaklah ciptaan asal, bebas daripada saduran/ciplak/plagiat dan belum pernah dirakamkan/dicetak atau disiarkan untuk sebarang siaran.
- 4.3. Lagu pertama hendaklah berbentuk **Nasyid Tradisional** yang mengandungi unsur-unsur lagu Masri seperti *Bayati, Soba, Nahawan, Hijaz, Rast, Sikah, Jiharkah* atau unsur-unsur lagu Hijazi seperti *Husaini, Mayyah, Banjakah, Rakbi dan Dukkah*. Ciri-ciri qasidah adalah digalakkan.
- 4.4. Lagu kedua pula hendaklah berbentuk **Nasyid Kontemporari (Nasyid Moden)**.
- 4.5. Rentak berunsur *hardrock, heavy metal, rap, hip-hop* dan yang seumpamanya adalah dilarang sama sekali.
- 4.6. Mana-mana pasukan yang melanggar syarat-syarat di atas, boleh dibatalkan penyertaannya.

***Peringatan:** Di peringkat Kebangsaan sahaja, lagu ciptaan baru adalah diwajibkan.

5. LIRIK :

- 5.1. Lirik kedua-dua lagu hendaklah ciptaan baru dan asli.
- 5.2. Lirik kedua-dua buah lagu hanya boleh menggunakan Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris atau gabungan ketiga-tiga bahasa tersebut.
- 5.3. Lirik Bahasa Arab atau Bahasa Inggeris hendaklah disertakan terjemahannya secara bertulis.
- 5.4. Lirik lagu pertama hendaklah menepati konsep tema Festival Nasyid yang ditetapkan serta mengandungi unsur nilai-nilai Islam yang unggul seperti keimanan kepada Tuhan, kepatuhan kepada ibubapa, nasihat, perpaduan, cintakan tanah air, masyarakat penyayang dan nilai-nilai murni yang lain.
- 5.5. Lirik lagu kedua hendaklah berunsurkan isi Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR/KBSM. ***Tajuk-tajuk pilihan akan disediakan oleh JAPIM ;***
 - 5.5.1. Bahagian Sekolah Rendah hendaklah merujuk kepada isi Sukatan Pelajaran Tahun 1 hingga Tahun 6.
 - 5.5.2. Bahagian Sekolah Menengah hendaklah merujuk kepada isi Sukatan Pelajaran Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.
- 5.6. Kedua-dua lirik lagu tidak boleh menyentuh isu-isu sensitif dan negatif.
- 5.7. Tema tidak semestinya menjadi tajuk lagu.
- 5.8. Mana-mana pasukan yang melanggar syarat-syarat di atas, boleh dibatalkan penyertaannya.

6. PERSEMBAHAN :

- 6.1. Segala aktiviti kumpulan nasyid di pentas bermula daripada naik hinggalah turun dari pentas adalah dianggap sebagai satu persembahan.
- 6.2. Hanya pergerakan kecil yang bersesuaian dengan lagu yang disampaikan dan tidak keterlaluan dibenarkan. Markah akan dipotong bagi pergerakan yang keterlaluan.
- 6.3. Setiap persembahan **hanya boleh** diiringi dengan alat perkusi muzik tradisional nasyid seperti kompang, bongo, conga, darbuka, turkish tomolo, shaker, tamborine, djembe, cabasa, gendang, maracas, rebana dan chime sahaja.
- 6.4. Iringan muzik hendaklah dipersembahkan secara langsung (*live*).
- 6.5. Iringan muzik boleh mempengaruhi pemarkahan.
- 6.6. Setiap kumpulan dilarang sama sekali memperkenalkan nama/identiti dalam apa bentuk sekalipun.
- 6.7. Mana-mana pasukan yang melanggar syarat-syarat di atas, boleh dibatalkan penyertaannya.

7. PAKAIAN :

Pakaian peserta mestilah menutup aurat dan bersopan seperti berikut:

Lelaki :

Memakai pakaian kebangsaan (bersamping dan bersongkok hitam) yang lengkap dan berkasut. Sandal atau selipar tidak dibenarkan sama sekali.

Perempuan :

Berbaju kurung dan bertudung yang sempurna dan berkasut. Sandal atau selipar tidak dibenarkan sama sekali.

Hiasan dan solekan hendaklah sederhana dan tidak keterlaluan. Pakaian, hiasan dan solekan boleh mempengaruhi pemarkahan.

Semua larangan yang terdapat dalam peraturan berpakaian sekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia hendaklah dirujuk dan dipatuhi.

8. MASA :

- 8.1.1. Setiap kumpulan diberi masa 15 minit untuk mempersembahkan kedua-dua buah lagu.
- 8.1.2. Masa dikira bermula apabila peserta mula menaiki pentas.
- 8.1.3. Markah akan dipotong jika persembahan kurang dari 12 minit atau melebihi masa 15 minit yang telah ditetapkan.

9. PEMARKAHAN :

- 9.1. Penghakiman kumpulan nasyid dibahagikan kepada empat bahagian iaitu :
 - 9.1.1. Suara - 40 markah
 - 9.1.2. Lagu - 30 markah
 - 9.1.3. Lirik - 20 markah
 - 9.1.4. Persembahan - 10 markah

10. PENENTUAN KEPUTUSAN :

10.1 Kumpulan Nasyid Terbaik

- 10.1.1. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi akan diisytiharkan sebagai Johan.
- 10.1.2. Kumpulan yang mendapat markah kedua tertinggi akan diisytiharkan sebagai Naib Johan dan begitulah seterusnya.
- 10.1.3. Sekiranya terdapat persamaan dari segi markah, penilaian akan dirujuk kepada :

| | | |
|---------|---|-------------|
| Pertama | : | Suara |
| Kedua | : | Lagu |
| Ketiga | : | Persembahan |
- 10.1.4. Sekiranya masih sama, penilaian akan dirujuk kepada elemen Keberkesanan Persembahan.
- 10.1.5. Sekiranya masih sama, Jemaah Hakim akan bersidang dan membuat keputusan.
- 10.1.6. Keputusan hakim adalah **MUKTAMAD**.

10.2 Ciptaan Lagu Terbaik Dan Lirik Terbaik

- 10.2.1. Setiap lagu dan lirik yang dipersembahkan akan dinilai untuk dipilih Lagu Ciptaan Terbaik dan Lirik Ciptaan Terbaik.
- 10.2.2. Lagu Ciptaan Terbaik tidak semestinya akan dipilih sebagai Lirik Ciptaan Terbaik dan sebaliknya.
- 10.2.3. Lagu dan Lirik yang mendapat markah tertinggi akan diisytiharkan sebagai pemenang.
- 10.2.4. Sekiranya terdapat persamaan, hakim akan bersidang dan membuat keputusan.
- 10.2.5. Keputusan hakim adalah **MUKTAMAD**.

11. HADIAH PERTANDINGAN PERINGKAT KEBANGSAAN :

- 11.1. Piala Pusingan Menteri Pelajaran Malaysia (Johan Keseluruhan)
- 11.2. Hadiah Sekolah Menengah
 - 11.2.1. Johan, Naib Johan dan Ketiga.
 - 11.2.2. Dua belas hadiah saguhati
- 11.3. Hadiah Sekolah Rendah
 - 11.3.1. Johan, Naib Johan dan Ketiga
 - 11.3.2. Dua belas hadiah saguhati
- 11.4. Lagu Ciptaan Terbaik Sekolah Menengah (Lagu 1/Individu)
- 11.5. Lagu Ciptaan Terbaik Sekolah Rendah (Lagu 1/Individu)
- 11.6. Lirik Ciptaan Terbaik Sekolah Menengah (Lirik 1 dan Lirik 2/Individu)
- 11.7. Lirik Ciptaan Terbaik Sekolah Rendah (Lirik 1 dan Lirik 2/Individu).
- 11.8. Anugerah Penyanyi Solo Terbaik Bahagian Sekolah Rendah (Individu).
- 11.9. Anugerah Penyanyi Solo Terbaik Bahagian Sekolah Menengah (Individu).
- 11.10. Hadiah Peringkat Negeri tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pelaksana Peringkat Negeri masing-masing.

12. BANTAHAN PESERTA :

- 12.1. Sebarang bantahan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jemaah Hakim menggunakan Borang Bantahan Rasmi yang disediakan.
- 12.2. Sebarang bantahan hendaklah disertakan dengan bukti dan saksi.
- 12.3. Sebarang bantahan hendaklah diterima oleh Pengerusi Jemaah Hakim **sebelum keputusan diumumkan**. Bantahan yang diterima selepas keputusan diumumkan tidak akan dilayan.
- 12.4. Semua bantahan akan dibincangkan di dalam mesyuarat Jemaah Hakim dan keputusan selepas mesyuarat adalah **MUKTAMAD**.

C. PENGHAKIMAN DAN PEMARKAHAN

Penghakiman Kumpulan Nasyid

1. Penghakiman Suara (40 markah):

- 1.1. 40 markah diperuntukkan bagi setiap lagu.
- 1.2. Setiap lagu dinilai dari aspek berikut:
 - 1.2.1. Kualiti ton - 8 markah
 - 1.2.2. Ketepatan pic, nada, tempo dan frasa - 10 markah
 - 1.2.3. Sebutan - 6 markah
 - 1.2.4. Dinamik - 8 markah
 - 1.2.5. Keseimbangan /harmoni - 8 markah

Peringatan : Hakim bahagian suara, lagu dan persembahan akan menilai dan memberi markah untuk memilih Pemenang Anugerah Penyanyi Solo

2. Penghakiman Lagu (30 markah):

- 2.1. 30 markah diperuntukkan bagi setiap lagu
- 2.2. Lagu pertama dinilai dari aspek berikut:
 - 2.2.1. Keaslian Lagu (Melodi) - 8 markah
 - 2.2.2. Irama Masri/Unsur-unsur irama padang Pasir dan Qasidah - 8 markah
 - 2.2.3. Kesesuaian rentak - 7 markah
 - 2.2.4. Disiplin Lagu/kreativiti ciptaan - 7 markah
- 2.3. Lagu kedua dinilai dari aspek berikut:
 - 2.3.1. Keaslian lagu (Melodi) - 8 markah
 - 2.3.2. Bentuk kontemporari - 8 markah
 - 2.3.3. Kesesuaian rentak/Bentuk - 7 markah
 - 2.3.4. Disiplin lagu/kreativiti ciptaan - 7 markah

3 Penghakiman Lirik (20 markah)

- 3.1. 20 markah diperuntukkan bagi setiap lirik.
- 3.2. Setiap lirik dinilai dari aspek berikut :
 - 3.2.1. Tema - 4 markah
 - 3.2.2. Kejelasan mesej - 6 markah
 - 3.2.3. Kesenambungan isi - 6 markah
 - 3.2.4. Bahasa - 4 markah

4 Penghakiman Persembahan (10 markah):

- 4.1. 10 markah diperuntukkan bagi keseluruhan persembahan.
- 4.2. Setiap persembahan dinilai dari aspek berikut:
 - 4.2.1. Gaya dan penampilan - 4 markah
 - 4.2.2. Etika - 2 markah
 - 4.2.3. Ekspresi - 2 markah
 - 4.2.4. Keberkesanan persembahan - 2 markah

BORANG PENGHAKIMAN



**BORANG PENGHAKIMAN FESTIVAL NASYID SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2008**



GILIRAN :
MENENGAH :

RENDAH :

Bintang :
Tarikh : _____

BAHAGIAN SUARA (40 MARKAH)

LAGU PERTAMA

| PERKARA DIHAKIMI | MARKAH | CATATAN/KOMEN | Suara Solo |
|---|--------|---------------|------------|
| Kualiti ton 8 markah | | | |
| Ketepatan pic, nada, tempo dan frasa 10 markah | | | |
| Sebutan 6 markah | | | |
| Dinamik 8 markah | | | |
| Keseimbangan / harmoni 8 markah | | | |

Markah Penuh lagu 1 **40**
Markah Diperolehi

Markah Suara Solo

LAGU KEDUA

| PERKARA DIHAKIMI | MARKAH | CATATAN/KOMEN |
|---|--------|---------------|
| Kualiti ton 8 markah | | |
| Ketepatan pic, nada, tempo dan frasa 10 markah | | |
| Sebutan 6 markah | | |
| Dinamik 8 markah | | |
| Keseimbangan /harmonni 8 markah | | |

Markah Penuh lagu 2 **40**
Markah Diperolehi

80
JUMLAH
DIPEROLEHI

Tandatangan Hakim :

(Nama :

Tandatangan Ketua Hakim:.....

(Nama :

**BORANG PENGHAKIMAN FESTIVAL NASYID SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2008**



GILIRAN :
MENENGAH :

Bintang :
Tarikh : _____

RENDAH :

BAHAGIAN LAGU (30 MARKAH)

| LAGU PERTAMA | | MARKAH | CATATAN/KOMEN |
|--|----------|--------|---------------|
| PERKARA DIHAKIMI | | | |
| Keaslian Lagu (Melodi) | 8 markah | | |
| Irama Masri / unsur-unsur irama Padang Pasir dan Qasidah | 8 markah | | |
| Kesesuaian rentak | 7 markah | | |
| Disiplin / Kreativiti Ciptaan | 7 markah | | |

Markah Penuh lagu 1 30
Markah Diperolehi

| LAGU KEDUA | | MARKAH | CATATAN/KOMEN |
|-------------------------------|----------|--------|---------------|
| PERKARA DIHAKIMI | | | |
| Kepelbagaian bentuk (form) | 8 markah | | |
| Bentuk Kontemporari | 8 markah | | |
| Kesesuaian rentak | 7 markah | | |
| Disiplin / Kreativiti Ciptaan | 7 markah | | |

Markah Penuh lagu 2 30
Markah Diperolehi

JUMLAH 60
JUMLAH DIPEROLEHI :

Tandatangan Hakim :

Tandatangan Ketua Hakim:.....

(Nama : _____)

(Nama : _____)

)

)



**BORANG PENGHAKIMAN FESTIVAL NASYID SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2008**



GILIRAN :
MENENGAH :

RENDAH :

Bintang :

Tarikh :

BAHAGIAN LIRIK (20 MARKAH)

| LAGU PERTAMA | | MARKAH | CATATAN/KOMEN |
|-------------------|--|--------|---------------|
| PERKARA DIHAKIMI | | | |
| Tema | | | |
| 4 markah | | | |
| Kejelasan mesej | | | |
| 6 markah | | | |
| Kesinambungan isi | | | |
| 6 markah | | | |
| Bahasa | | | |
| 4 markah | | | |

Markah Penuh lagu 1 20

Markah Diperolehi

| LAGU KEDUA | | MARKAH | CATATAN/KOMEN |
|-------------------|--|--------|---------------|
| PERKARA DIHAKIMI | | | |
| Tema | | | |
| 4 markah | | | |
| Kejelasan mesej | | | |
| 6 markah | | | |
| Kesinambungan isi | | | |
| 6 markah | | | |
| Bahasa | | | |
| 4 markah | | | |

Markah Penuh lagu 2 20

Markah Diperolehi

JUMLAH 40

JUMLAH DIPEROLEHI :

Tandatangan Hakim :

(Nama :)

Tandatangan Ketua Hakim:.....

(Nama :)



**BORANG PENGHAKIMAN FESTIVAL NASYID SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2008**



GILIRAN : MENENGAH : RENDAH : Bintang :

BAHAGIAN PERSEMBAHAN (10 MARKAH) Tarikh : _____

| PERKARA DIHAKIMI | MARKAH | CATATAN/KOMEN |
|--------------------------------------|--------|---------------|
| Gaya dan penampilan 4 markah | | |
| Etika 2 markah | | |
| Ekspresi 2 markah | | |
| Keberkesanan persembahan 2 markah | | |

Markah Penuh :

Markah Diperolehi :

Tandatangan Hakim :

Tandatangan Ketua Hakim:.....

(Nama : _____)

(Nama : _____)

